

**Umno Sabah Bersatu Dan Utuh, Kata Salleh
Bernama
5 Mac, 2012**

KOTA KINABALU, 5 Mac (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Seri Salleh Said Keruak berkata Umno Sabah, di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman tidak pernah memperbesarkan perbezaan pendapat dalam parti sehingga membolehkan Umno negeri menjadi kuat dan cemerlang.

Beliau berkata bukan sesuatu yang luar biasa bagi mana-mana organisasi politik, termasuk Umno di negeri ini untuk mempunyai perbezaan pendapat kerana ia merupakan satu daripada kunci dan ciri penting demokrasi.

Namun, beliau berkata perbezaan pendapat itu tidak sepatutnya menjadi halangan kepada perpaduan politik khususnya dalam bekerjasama untuk memperoleh kemenangan besar pada pilihan raya umum akan datang.

Memberikan contoh senario di Sabah, Salleh berkata walaupun ada ketikanya pemimpin-pemimpin Umno Sabah berbeza pendapat tetapi parti kekal bersatu dalam memainkan peranan penting memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya sepertimana dibuktikan pada pilihan raya umum 2008 apabila BN hanya kalah satu kerusi Parlimen dan satu kerusi Dewan Undangan Negeri selain memenangi pilihan raya kecil Parlimen Batu Sapi.

"Bagi Umno Sabah, parti kekal bersatu dan utuh dan kami yakin mampu memenangi semua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang diperuntukkan kepada Umno pada pilihan raya umum akan datang," katanya dalam kenyataan di sini Isnin.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650119>